

PERANAN AGENSI-AGENCI AWAM DALAM PEMBANGUNAN
PERTANIAN, KHASNYA PENANAMAN SAYUR-SAYURAN

NG HOON BUE



ARKIB

rb
fAC895
M22N582

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PERANAN AGENSI-AGENSI AWAM DALAM
PEMBANGUNAN PERTANIAN, KHASNYA
PENANAMAN SAYUR-SAYURAN. SUATU
KES STUDI DI KAWASAN TANGKAK
NEGERI JOHOR

OLEH
NG HOON BUE

PENYELIA
ENCIK RAZALI BIN IBRAHIM

LATIHAN ILMIAH UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DENGAN
KEPUJIAN, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG

1.2.1983



PRAKATA

Latihan Ilmiah ini dijalankan pada awal tahun 1982 dengan tujuan untuk memenuhi keperluan sebahagian dari syarat-syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian. Latihan Ilmiah ini adalah perlu untuk mahasiswa-mahasiswa yang mengkhususkan dalam bidang Rancangan Geografi, Ilmu Kemasyarakatan sebagai memperdalankan lagi pengetahuan kami, bukan saja dalam kaedah teorinya tetapi juga dalam praktiknya di mana kajian dan penyelidikan perlu dijalankan.

Untuk,

Sebagai kajian Latihan Ilmiah ini akan memberi sedikit sebanyak pengetahuan tentang latarbelakang dan gambaran mengenai peranan Agensi-agensi awam dalam pembangunan pertanian, khususnya, tanaman sayur-sayuran di kawasan Tangkak, Johor. Namun demikian, terdapat kelemahan dalam kajian ini yang tidak disengajakan. Segala kelemahan itu, saya memohon jutaan maaf.

Sekian, terima kasih.

PENGHARGAAN
PRAKATA

Latihan Ilmiah ini dijalankan pada awal tahun 1982 dengan tujuan untuk memenuhi keperluan sebahagian dari syarat-syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian. Latihan Ilmiah ini adalah perlu untuk mahasiswa-mahasiswi yang mengkhususkan dalam bidang Rancangan Geografi, Ilmu Kemanusiaan sebagai memperdalamkan lagi pengetahuan kami, bukan saja dalam kaedah teorinya tetapi juga dalam praktiknya di mana kajian dan penyelidikan perlu dijalankan.

Semoga kajian Latihan Ilmiah ini akan memberi sedikit sebanyak pengetahuan tentang latarbelakang dan gambaran mengenai Peranan Agensi-agensi Awam dalam pembangunan pertanian, khasnya, tanaman sayur-sayuran di kawasan Tangkak, Johor. Namun demikian, terdapat kelemahan dalam kajian ini yang tidak disengajakan. Segala kelemahan itu, saya memohon jutaan maaf.

Sekian, terima kasih.

Kepada mereka di bawah ini, saya merakamkan ucapan terima kasih juga kerana tanpa pertolongan dan kerjasama mereka, proses penyelidikan dan penulisan ini tidak akan menjadi kenyataan.

1. Penolong Pegawai Daerah Tangkak.
2. Pengurus PAMA Tangkak, Encik Mohd. Ghavali bin Daud.
3. Pengurus Pertubuhan Koperasi Peladang, Encik Jamil bin Osman.

II

PENGHARGAAN

Saya amat terhutang budi dan berterima kasih kepada Pensyarah Encik Razali bin Ibrahim yang telah sudi untuk menyelia dan membimbing saya di dalam penyelidikan dan penulisan Latihan Ilmiah ini. Segala nasihat, tunjuk-ajar dan dorongan beliau amat di hargai dan di ingati.

Juga ucapan ribuan terima kasih ditujukan kepada Pensyarah Encik Tan Poh Kwee yang telah sudi menjadi Pengerusi saya dalam Seminar Latihan Ilmiah serta kepada Pensyarah Dr. Goh Kim Chuan, sebagai Penasihat Akademik saya yang telah membimbing dan menasihati saya semasa pengajian saya di Universiti ini.

Tidak lupa saya mengucapkan terima kasih kepada Pensyarah Encik Hassan Nasiri selaku Pengerusi Bahagian Geografi dan Profesor Datuk Haji Shahnnon Ahmad, Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (sehingga Nov/Dis. 1982) kerana telah memberikan suatu surat perakuan bagi memudahkan dan melicinkan proses penyelidikan ini.

Kepada mereka di bawah ini, saya rakamkan ucapan terima kasih juga kerana tanpa pertolongan dan kerjasama mereka, proses penyelidikan dan penulisan ini tidak akan menjadi kenyataan.

1. Penolong Pegawai Daerah Tangkak.
2. Pengurus FAMA Tangkak, Encik Mohd. Ghazali bin Daud.
3. Pengurus Pertubuhan Koperasi Peladang, Encik Jamil bin Osman.

III

4. Pegawai Juruteknik Jabatan Pertanian di Tangkak, Encik Abu Baidah b. Yacob.
5. Saudara Cher yang sudi membantu menterjemahkan bahasa dialek Cina.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Saudari Ong Ghim Bee yang telah sudi menaipkan penulisan Latihan Ilmiah ini.

Sekian.

NG HOON BUE
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG

25.1.1983

IV

ABSTRAK

Kawasan Tangkak merupakan sebuah kawasan yang penting dalam perusahaan penanaman sayur-sayuran di Malaysia. Faktor-faktor alam sekitar fizikal yang baik telah menjayakan kegiatan tanaman sayur-sayuran itu. Selain daripada faktor-faktor alam sekitar fizikal, agensi-agensi awam seperti FAMA, Jabatan Pertanian di Tangkak dan Pertubuhan Koperasi Peladang juga memainkan peranan yang penting dalam pembangunan pertanian.

Agensi-agensi awam itu merupakan agen-agen kerajaan dalam usaha kerajaan mencapai matlamat dalam Rancangan Dasar Ekonomi Baru seperti usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula struktur masyarakat. Agensi-agensi seperti Jabatan Pertanian dan Pertubuhan Koperasi Peladang telah menyediakan perkhidmatan dan kemudahan seperti kemudahan kredit dan bantuan subsidi (baja, benih, racun serangga dan racun rumput rampai). Perkhidmatan yang lain adalah seperti memberi nasihat, bimbingan, dorongan, perkembangan dan segala hal-ehwal mengenai proses pembangunan pertanian. Agensi FAMA pula lebih mementingkan perkhidmatan pemasaran hasil sayur-sayuran para pekebun di Tangkak.

Kajian mengenai sumbangan agensi-agensi awam telah dijalankan untuk meninjau setakat mana agensi-agensi itu dapat mencapai matlamat masing-masing dan sejauhmanakah sambutan itu dari para pekebun sayur terhadap agensi-agensi awam itu.

Bagaimana pun, kelemahan yang tertentu

wujud pada agensi-agensi awam itu. Misalnya, aktiviti agensi-agensi awam yang berkontradiksi atau bertindih di antara satu sama lain yang telah melemahkan usaha pembangunan aktiviti tanaman sayur-sayuran.

Tidak kurang sama pentingnya dalam membantu membangunkan kegiatan tanaman sayur-sayuran ialah agensi-agensi swasta terutama pihak orang tengah. Sumbangan dari segi peranan orang tengah terhadap pembangunan pertanian tidak boleh diperkecilkan. Kajian juga dijalankan untuk memastikan sejauhmana para pekebun sayur masih "terikat" dalam menjalankan perniagaan tani dengan pihak orang tengah sedangkan banyak jenis kemudahan dan perkhidmatan dapat diperolehi daripada agensi-agensi awam itu.

Walaupun agensi-agensi awam itu telah dapat membantu para petani yang miskin, khasnya dari luar bandar dalam meninggikan taraf sosio-ekonomi mereka, tetapi kepada setengah para petani terutama petani-petani Cina, agensi-agensi awam itu tidak banyak membantu mereka kerana mereka sangat bergantung kepada agensi persendirian seperti orang tengah. Adalah mustahil sekali bagi agensi-agensi awam itu untuk memuaskan semua petani kerana mereka sendiri menghadapi rintangan-rintangan yang tertentu.

Akhir kata, dengan langkah-langkah yang dicadangkan untuk memperbaiki perkembangan tanaman sayur-sayuran, ^{misalnya} kerjasama di antara agensi-agensi awam itu sendiri dan di antara agensi-agensi awam dengan para pekebun, aktiviti pembangunan pertanian akan lebih berkesan lagi.

VI

ABSTRACT

The area of Tangkak is an important area in vegetable cultivation in Malaysia. Its suitable physical environmental factors had contributed to the success of vegetable farming. Apart from the physical environmental factors, the public agencies such as FAMA, Agricultural Department in Tangkak and the Farmers Cooperative Association also played an important role in the agricultural development. These public agencies act as government agents in the effort of the government to achieve the aims of the New Economic Policy, for example, the effort to eradicate poverty and the restructuring of the society.

Agencies like the Agricultural Department and the Farmers Cooperative Association had provided the services and facilities such as credit facilities and subsidies (fertilisers, seeds, pesticide and weed-killers). Other services provided are advice, guidance, encouragement, extension work and all matters concerning the agricultural development processes. On the other hand, FAMA emphasized more on the marketing aspects of vegetables in Tangkak.

This study is concerned with the contributions of the public agencies to determine the extent in which these agencies had achieved their aims and the farmers response towards the public agencies.

However, certain weaknesses exist in these public agencies. For example, the activities of the public agencies were contradicting or duplicating

VII

each other which had weakened the developmental efforts in the activities of the vegetable farming.

Just as important in developing the activities of vegetable cultivation were the private agencies, especially the middlemen. The contributions of the middlemen towards the agricultural development cannot be under-estimated. Studies have also been carried out to determine to what extent the farmers were still "tied-down" in carrying out agro-business activities with the middlemen even though facilities and services are available from the public agencies.

Although the public agencies had helped those farmers who were poor especially from the rural areas in improving their socio-economic conditions, but to some farmers, especially the Chinese farmers, the public agencies do not help them much, as they were dependable more on the private agencies such as the middlemen. It is impossible for the public agencies to satisfy all the farmers because they themselves were facing certain constraints.

Lastly, with the measures proposed to improve the development of vegetable cultivation such as cooperation between the public agencies themselves and between the public agencies with the farmers, agricultural development activities will be more successful.